

Virus pada ayam mampu bunuh sel barah

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@
bh.com.my

► Serdang

Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) sedang membuat kajian mendalam penggunaan Virus Penyakit Newcastle (NDV) yang terdapat pada ayam sebagai agen membunuh sel barah, sekali gus berpotensi untuk merawat penyakit pembunuh utama itu.

Felo Penyelidik di Laboratori Vaksin & Imunoterapeutik, Institut Biosains UPM, Dr Yeap Swee Kong, berkata kajian yang bermula sejak 2008 itu mendapati NDV berupaya membunuh sel barah sehingga 50 peratus dalam tempoh 12 jam, selain memperkuat sistem imunisasi badan.

Beliau berkata, virus itu yang sering menyerang ternakan dikenal pasti sebagai agen antibarbah kerana ia bersifat selektif terhadap sel barah dan bukan pada sel hidup sihat dan normal.

Peringkat praklinikal

Ketika ini, katanya, mekanisme NDV sebagai agen antibarbah masih pada peringkat kajian dan kumpulan penyelidik UPM dalam proses memastikan keberkesanannya virus itu mengekang sel barah, terutama barah payudara.

"Penyelidikan ini masih pada peringkat praklinikal di makmal, iaitu menggunakan sel, dan kami sedang berusaha keras

untuk mengujinya ke atas haiwan (tikus) yang dijangka mengambil masa tiga tahun, sebelum diuji pada manusia mungkin dalam tempoh

lima tahun lagi.

"Kajian dilakukan secara invitro menggunakan kaedah 'Advance Sequencing Technique', iaitu teknik termaju

bagi penyelidikan berkaitan sel hidup.

"Buat masa ini, kajian lebih tertumpu kepada barah payudara yang paling banyak

Swee Kong
sedang melakukan
penyelidikan
mendalam
penggunaan
NDV sebagai
agen antibarbah.



menye-
rang
manu-
sia bukan
sahabat di Ma-
laysia tetapi juga
seluruh dunia selain barah
paru-paru," katanya ketika
ditemui di UPM di sini,
baru-baru ini.

Teluk biak NDV

Mengulas lanjut, Swee Kong berkata, NDV membunuh sel barah secara semula jadi dalam proses dipanggil 'apoptosis', dan virus itu banyak terdapat pada lapisan cecair Allantoic yang hanya ada pada embrio ayam.

"Telur digunakan untuk membiak NDV kerana ia sel terbesar. Namun, kami hanya mengambil NDV jenis patogenik dan bukan NDV jenis vaksin."

Dr Yeap Swee Kong,
Felo Penyelidik
di Laboratori Vaksin
& Imunoterapeutik,
Institut Biosains UPM

an tinggi (IPT) lain," katanya.

Selain Swee Kong, penyelidikan yang mendapat dana Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, UPM serta terbaru Majlis Kanser Nasional itu turut dijayakan penyelidik UPM lain, termasuk Prof Datuk Paduka Dr Aini Ideris, Prof Datuk Paduka Dr Khatijah Mohd Yusoff, Prof Dr Abdul Rahman Omar dan Dr Tan Sheau Wei.

**NDV yang mampu
membunuh sel
barah.**



**TELUR
DIGUNAKAN
UNTUK
MEMBIAK NDV
KERANA IA
SEL TERBESAR.**

**NAMUN,
KAMI HANYA
MENGAMBIL NDV
JENIS PATOGENIK
DAN BUKAN NDV
JENIS VAKSIN!"**